

BAIKI ETIKA KERJA— SERI PADUKA

KUALA LUMPUR, Isnin—Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong bertitah, rakyat perlu memperbaiki etika kerja sejajar dengan peningkatan daya pengeluaran negara.

Di samping ber-jimat-cermat, titah Seri Paduka Baginda: "Kita perlu menggalakkan simpanan dan penabungan, kerana dengan ini saja kita dapat menambah

modal yang boleh digunakan untuk pelaburan yang produktif".

Yang di-Pertuan Agong bertitah demikian di istiadat pembukaan Mesyuarat Pertama Penggal Pertama Parlimen Keenam di Bangunan Parlimen di sini, hari ini.

Titah Seri Paduka Baginda: "Kita haruslah berusaha mencari bahan-bahan, cara dan kaedah pengurusan baru, termasuk penggunaan tenaga, sumber dan masa secara optimum."

Dalam hal ini, Baginda sukacita kerana Kerajaan pimpinan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad membawa cara dan pendekatan baru untuk menghasilkan satu sistem pentadbiran yang lebih cekap dan berkesan.

Sumbangan

"Kerajaan Beta telah memilih cara pimpinan melalui tauladan.

"Beta juga gembira kerana selain daripada Kerajaan, beberapa pihak telah mengambil langkah-langkah tegas dalam menghadapi masalah ekonomi, misalnya semangat ber-jimat-cermat yang ditunjukkan secara simbolik oleh para pemimpin telah diikuti oleh berbagai pertubuhan dan rakyat umumnya.

"Sesungguhnya, hanya warga yang sanggup berkorban akan menjadi warga yang berjaya dan dihormati," titah Yang di-Pertuan Agong lagi.

Sikap berdikari rakyat, titah Seri Paduka Baginda, jelas dibuktikan melalui reaksi rakyat dalam memberikan sumbangan secara sukarela pada bila-bila masa yang diperlukan seperti menaja beberapa rancangan yang memberi munfaat kepada rakyat keseluruhannya.

"Ini termasuk sumbangan bagi keperluan mereka yang menderita atau aktiviti-aktiviti kebajikan, kebudayaan dan sukan.

"Ini diikuti pula dengan daya usaha badan-badan bukan Kerajaan mengusahakan tabung-tabung derma untuk perjuangan rakyat Palestin yang sedang menanggung penindasan dan kekejaman Israel yang dikutuk oleh kita semua."

Sumbangan ini, titah Yang di-Pertuan Agong membuktikan kepada dunia bahawa dalam keadaan kemelesetan sekalipun rakyat dan negara sedia tampil ke hadapan membantu mereka yang memerlukan.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia